

PM rasmi Ekspo Pameran dan Jualan

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Ekspo Pameran dan Jualan sempena Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 bertempat di Legar Putra, Aras 2, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ekspo dan pameran kali ini berbeza dengan tahun sebelumnya apabila ia menyediakan ruang pameran dan jualan yang lebih sistematik.

Syarikat DRB-Hicom menyumbang sebanyak

RM150,000 bagi menaja kos pembinaan gerai pada Perhimpunan Agung UMNO kali ini.

Ia yang bertemakan 'Perjuangan Sebuah Bangsa' itu menempatkan sebanyak 450 ruang perniagaan yang dibina dengan kos sebanyak RM300 setiap satu.

Daripada jumlah itu, 90 peratus daripada pemilik gerai itu adalah golongan wanita.

Buat julung kalinya, terdapat 22 penyertaan daripada sektor korporat,

antaranya perbankan, perhotelan dan pelancongan.

Dr. Mahathir juga melancarkan buku berjudul 'Langkah Pertama Membina Kerjaya' susunan Biro Tenaga dan Sumber Manusia, Puteri UMNO dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia.

Antara kandungan buku itu ialah berkaitan dengan tip dan panduan ringkas kepada generasi muda bagaimana membuat persiapan diri bagi memasuki dunia kerjaya.

Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira sejam melawat gerai dan ruang pameran yang terletak di aras dua PWTC dan berkunjung ke Galeri Jatiwanita di aras tiga.

Galeri yang menampilkan pelbagai aspek berkaitan wanita termasuk sejarah perkembangan Pergerakan Wanita UMNO dan kepimpinannya serta perkembangan semasa mengenai pencapaian wanita di negara ini menarik perhatian Perdana Menteri.